

MIC Terima Sumbangan Tabung Bantuan Banjir RM302,500

Bernama

Dec 29, 2014

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Dalam tempoh kurang 24 jam, MIC, Isnin berjaya mengumpul sumbangan RM302,500 untuk mangsa banjir.

Presiden parti, Datuk Seri G Palanivel berkata pihaknya akan membuka satu akaun dinamakan Tabung Yayasan Strategik Sosial yang akan menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir.

Bercakap kepada pemberita selepas menerima sumbangan itu di Kuala Lumpur, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar itu berkata daripada jumlah itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) memberi RM100,000.

Palanivel yang membuat sumbangan peribadi RM50,000, berkata selain wang, MIC juga telah menerima sumbangan bekalan makanan.

Sumbangan kewangan akan diagihkan bagi kerja-kerja membaiki rumah mangsa dan pembelian keperluan asas rumah selepas banjir surut.

"Kita akan teruskan kutipan bantuan ini. Saya telah meminta syarikat-syarikat termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) supaya bantu kita tambah lagi bantuan kewangan," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1096839>